



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KRAFTANGAN MALAYSIA MENYERTAI LONDON CRAFT WEEK 2025

KUALA LUMPUR 15 MEI 2025 - Kraftangan Malaysia agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyertai *London Craft Week 2025* secara maya yang bermula pada 12 hingga 18 Mei 2025 mengetengahkan Pameran Karya Agung : Seni Kraf Warisan Negara (*Virtuosity of Craftworks: Masterpiece of National Heritage Crafts*), pameran ini dipaparkan melalui laman sesawang www.mycraftmuseum.com. Sebanyak 100 hasil karya unggul oleh 73 Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf diketengahkan bagi memperlihatkan kehalusan dan kepakaran pengkarya tempatan dalam memartabatkan warisan kraf Malaysia.

Selain itu, Kraftangan Malaysia turut bersiaran secara langsung dalam aktiviti demonstrasi kraf pada 15 Mei 2025, bermula jam 5.00 hingga 6.30 petang (waktu Malaysia). Penstriman ini menampilkan Adiguru Kraf Tenunan Songket, Encik Wan Manang bin Wan Awang, dalam satu sesi istimewa yang mengetengahkan kaedah pembuatan kraf tenunan songket tradisional kepada masyarakat umum.

Sebanyak 8 proses penting dalam pembuatan tenunan songket tradisional akan diperlihatkan secara terperinci, sebagai sebahagian daripada usaha memartabatkan seni kraf tempatan ke persada dunia. Siaran langsung ini boleh diikuti menerusi laman sesawang rasmi www.mycraftmuseum dan saluran YouTube KRAFTV.

-TAMAT-